




**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik). Bagi kerja pembekalan, kontraktor perlu memiliki **Sijil kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson**. Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** selaras dengan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (Pelan Pemulihan Negara Fasa 1)** yang berkuatkuasa. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap MPPD. **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A) pada hari Isnin – Jumaat, Jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari (Hari Bekerja) secara temujanji. Kontraktor WAJIB membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.**
4. Kontraktor **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.
5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapi serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
6. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.

7. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
8. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB, Suruhanjaya Tenaga (bagi kerja elektrik) dan Kementerian Kewangan Malaysia (bagi kerja pembekalan) di bawah Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran.**

Tandatangan : .....  .....

Nama Pegawai : ..... MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA .....  
Yang Dipertua

Jawatan : ..... Majlis Perbandaran Port Dickson .....

Tarikh : ..... 8 Julai 2024 .....

**LAMPIRAN**

| No. Sebut Harga & Harga Dokumen  | Tajuk Projek   | Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan                              | Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual                                       | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup                                  |
|--|--|---|---|---|
| MPPD<br>SH 65/2021<br>RM 50.00   | Cadangan Membina Baru Tandas Awam Di Batu 4, Port Dickson  | <b>G1</b><br><br>Kategori<br>B & CE<br><br>Pengkhususan<br>B04 & CE21 |   |   |
| MPPD<br>SH 73/2021<br>RM 50.00<br><br>MPPD<br>SH 74/2021<br>RM 50.00<br><br>MPPD<br>SH 75/2021<br>RM 50.00 | Kerja-Kerja Naiktaraf Ladskap Di Medan D'Jetty Dan Pejabat Landskap Taman Bandar Port Dickson<br><br>Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Pantai Tanjung Biru Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan<br><br>Cadangan Menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak Di Taman Jimah Jaya Site C (Fasa 2) Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan | <b>G1</b><br><br>Kategori<br>CE<br><br>Pengkhususan<br>CE14           | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson |
| MPPD<br>SH 78/2021<br>RM 50.00   | Menaiktaraf Infrastruktur (Petak Tempat Letak Kereta & Tangki Air) Di Flat Astana Harmoni  | <b>G1</b><br><br>Kategori<br>CE<br><br>Pengkhususan<br>CE21           | Tarikh:<br><b>22.07.2021</b><br><br>Hingga<br><b>29.07.2021</b>             | Tarikh :<br><b>29.07.2021</b><br><br><b>*Jam 12.00 t/hari</b>               |
| MPPD<br>SH 76/2021<br>RM 50.00   | Menaiktaraf Pencahayaan Di Bandar Port Dickson   | <b>G1</b><br><br>Kategori<br>ME<br>Pengkhususan<br>E11                |   |   |
| MPPD<br>SH 77/2021<br>RM 50.00   | Menaiktaraf Infrastruktur (Pendawaian Elektrik) Di Flat Sri Pinang   | <b>G1</b><br><br>Kategori<br>ME<br>Pengkhususan<br>E11, E16 & E17     |   |   |

| No. Sebut Harga & Harga Dokumen                                      | Tajuk Projek  | Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan                    | Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual                                       | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup                                  |
|--|---|---|---|---|
| MPPD<br>SH 72/2021<br>RM 150.00                                      | Kerja-Kerja Naiktaraf Landskap Di Kawasan Hijau Bangunan Pejabat MPPD (SLOPE)   | <b>G2</b><br><br>Kategori<br>CE<br><br>Pengkhususan<br>CE14 | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson | Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson |
| MPPD<br>SH 70/2021<br>RM 50.00<br><br>MPPD<br>SH 71/2021<br>RM 50.00 | Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Landskap Dan Kerja-Kerja Berkaitannya Di Persimpangan Sua Betong Hingga Ke Batu 4, Port Dickson Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson<br><br>Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Landskap Dan Kerja-Kerja Berkaitannya Di Persimpangan SPDH Seremban-Lukut-Teluk Kemang, Port Dickson Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson | <b>KKM</b><br><br>Kod Bidang<br>222102, 221002,<br>221003   | Tarikh:<br><b>22.07.2021</b><br><br>Hingga<br><b>29.07.2021</b>             | Tarikh :<br><b>29.07.2021</b><br><br><b>*Jam 12.00 t/hari</b>               |

**\* Kaedah Pembayaran Secara Dalam Talian Sahaja (Online Payment)**

**\* Kaunter Jualan Naskah Sebut Harga dibuka (Secara Temujanji)**

**ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)**

**9.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI**

**Pegawai Untuk Dihubungi :**

**Siti Norakmar binti Abdul Wahab (019-7715127)**